

MPAJ nafi tak ambil tindakan laporan

DARI MUKAT

serta MPAJ memantau pembinaan tembok itu sejak setahun lalu. Pemaju cuma melengah-lengahkan pembinaannya, tetapi tembok itu tetap dibina.

"Akhirnya, tembok itu siap seminggu lalu tetapi tidak mengikut spesifikasi Ikram serta pelan pemaju itu sendiri," katanya selepas merasmikan Kempen Belia Benci Dadah Peringkat Johor di Teluk Danga, Johor Bahru.

Berita Harian semalam melaporkan kerajaan negeri dan MPAJ sudah lama mengetahui ancaman hakisan tanah di kawasan itu tetapi tiada tindakan diambil bagi mengatasinya.

Dr Mohd Khir berkata, bukan mudah untuk mengambil tindakan terhadap pemaju kerana undang-undang sedia ada begitu longgar dan memerlukan bukti kukuh.

"Jika kita mahu heret pemaju ke mahkamah, perlu ada bukti kukuh. Selain itu, kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi dalam Akta Bangunan dan Parit denda maksimumnya hanya RM2,000," katanya.

Beliau juga mendakwa ada pemaju tidak mengikut pelan yang diserahkan kepada PBT untuk menjimatkan kos. Pelan itu hanya digunakan bagi mengaburi mata PBT bagi membolehkan mereka mendapat ke-

lulusan menjual rumah.

"Inilah masalah dan dilema yang dihadapi kerajaan. Jika kita arahkan pemaju menghentikan kerja, projek akan tergendala menyebabkan pembeli merana," katanya.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Datuk Ahmad Shafii Saidin pada sidang media petang semalam pula mendakwa pembinaan benteng itu membatikan soal teknikal dan pihaknya tidak berupaya membuat pemantauan.

Sambil menyerahkan kepada masyarakat untuk menilai sendiri sama ada kejadian itu disebabkan kecuaiannya MPAJ, beliau turut menafikan dakwaan kononnya MPAJ tidak mengambil tindakan terhadap aduan penduduk mengenai hakisan di tebing itu.

Ahmad Shafii tidak menolak kemungkinan benteng itu tidak kukuh menyebabkan gagal menahan bebanan tanah di bahagian atas.

Beliau berkata, jawatankuasa teknikal diketuai Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor dan dianggotai pakar termasuk dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Ikram serta Jabatan Geologi Selangor sudah ditubuhkan bagi menyiasat kejadian itu.

"Laporan siasatan itu dijangka siap tiga hingga empat bulan lagi," katanya.

Sementara itu, Intelbest Corporation Sdn Bhd (Intelbest), pakar perunding pembinaan

benteng itu, mendakwa anak syarikat Ukay Bestari, Platinum 88 Sdn Bhd, mematuhi semua prosedur pembinaan tembok berkenaan yang dikatakan sentiasa dipantau pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pegawai Eksekutif Intelbest, Lai Mei Kwan, sebaliknya berkata kajian tanah oleh pihaknya pada 2004 mendapati hakisan di kawasan runtuh disebabkan pemaju Taman Zoo View bersebelahan Ukay Bestari tidak menyediakan sistem saliran sesuai.

"Kebanyakan penduduk kawasan terbabit memasang paip PVC secara haram bagi menyalurkan air lebihan ke lereng bukit.

"Laporan terperinci dikemukakan kepada pihak berkenaan, termasuk lakaran lengkap kedudukan semua paip PVC yang dipasang secara haram. Berdasarkan laporan itu, kami diarah membina tembok penahan," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, pembinaan tembok itu dimulakan pada Ogos 2005, enam bulan selepas mendapat kelulusan Kumpulan Ikram Sdn Bhd.

Lai mengakui tembok itu lambat disiapkan, tetapi menjelaskan kelewatan itu disebabkan pihaknya perlu mencari kontraktor dan membina jalan ke kawasan terbabit.

"Namun, ini bukan alasan untuk menyalahkan Ukay Bestari berhubung tragedi itu," katanya.